



**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u><a href="#">Yeo Bee Yin Dah Kahwin</a></u>	Nanyang Siang Pau	Rujuk lampiran 1
2.	<u><a href="#">Suspek rancang buang lagi bahan kimia malam ini</a></u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
3.	<u><a href="#">3 suspek buang sisa bahan kimia ditahan</a></u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
4.	<u><a href="#">Pencemaran: Tiga ditahan disyaki buang sisa kimia ke Sungai Kim Kim</a></u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
5.	<u><a href="#">Jangan terburu-buru buka sekolah tercemar</a></u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
6.	<u><a href="#">Shah Alam, Putrajaya rekod IPU tidak sihat / Putrajaya, Shah Alam catat IPU tak sihat</a></u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 2
7.	<u><a href="#">Jerebu setempat, ribut dan petir hanya sementara - MetMalaysia / MetMalaysia ramal ribut petir sehingga Jumaat</a></u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita dan Rujuk Lampiran 3
8.	<u><a href="#">Taman Botani Negara ditutup hingga 31 Mac</a></u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 4
9.	<u><a href="#">Tiga suspek buang sisa kimia dalam sungai ditahan</a></u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 5
10.	<u><a href="#">Dua sekolah terjejas ditutup sekali lagi</a></u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 6
11.	<u><a href="#">Sik paling 'hangat' la ni...</a></u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
12.	<u><a href="#">Send waste back without delay, MP tells</a></u>	Edgeprop	Klik pada tajuk



	<a href="#">Lynas</a>		berita
13.	<a href="#">Kemuncak kemarau</a>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
14.	<a href="#">Ribut petir disebabkan perubahan pergerakan angin - MetMalaysia</a>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
15.	<a href="#">Empangan mini mampu kawal kebakaran tanah gambut</a>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
16.	<a href="#">Gempa sederhana gegar utara Sumatera</a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
17.	<a href="#">Tiga suspek dalang Sungai Kim Kim dicekup</a>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
18.	<b><u>Tiga suspek buang toksik ditahan</u></b>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 7
19.	<b><u>There arrested for waste dumpling</u></b>	The Star	Rujuk Lampiran 8
20.	<b><u>Dalang buang bahan kimia ditahan</u></b>	Kosmo	Rujuk Lampiran 9
21.	<b><u>Tiga individu ditahan</u></b>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 10
22.	<b><u>Gas beracun : Bahaya 50 meter</u></b>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 11
23.	<b><u>3 held over dumping of chemical</u></b>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 12
24.	<b><u>Perubahan Iklim &amp; Kehilangan Biodiversiti: Terjejaskah Rakyat?</u></b>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 13

## TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
25.	<a href="#">Ribut di Slim River: Mangsa cedera kena serpihan siling</a>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
26.	<a href="#">Melestari alam sekitar tanpa beg plastik</a>	Kosmo	Klik pada tajuk berita
27.	<a href="#">Children are trying to save the planet</a>	The Malaysian Insight	Klik pada tajuk berita
28.	<a href="#">Hati-hati, terlebih hidu gas metana boleh bawa maut - Pakar</a>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
29.	<a href="#">Udara dua kawasan berjerebu</a>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
30.	<a href="#">Lautan sampah haram di Jalan Persiaran Lestari? / Papan tanda larangan sekadar perhiasan, tidak dipedulikan: Buang, bakar sampah</a>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 14
31.	<a href="#">Jumlah mangsa pencemaran Sungai Kim Kim meningkat 207 orang</a>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
32.	<a href="#">Pencemaran berulang di 2 sekolah dikesali</a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
33.	<a href="#">Johor MB regrets latest school closures over toxic fumes</a>	Malaymail	Klik pada tajuk berita
34.	<a href="#">TNB, Public Works Department ink renewable energy collaboration</a>	Daily Express	Klik pada tajuk berita
35.	<a href="#">UiTM, Petronas jalin kerjasama tenaga baharu</a>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
36.	<a href="#">Penggunaan teknologi AI dalam Islam tertakluk batas, garis panduan</a>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita



37.	<b><u>Single-use plastic</u></b>	The Star	Rujuk Lampiran 15
38.	<b><u>Aduan: Caj 20 sen untuk plastik barangan?</u></b>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 16
39.	<b><u>SJK (T) Rawang students taking part in Russia science festival</u></b>	The Star	Rujuk Lampiran 17
40.	<b><u>Preventive Steps</u></b>	The Sun	Rujuk Lampiran 18
41.	<b><u>Utilising technology in lessons</u></b>	The Star	Rujuk Lampiran 19
42.	<b><u>Decision on Lynas Operating Licence Soon?</u></b>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 20
43.	<b><u>Science to The Rescue</u></b>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 21
44.	<b><u>Residents paying the cost for poor maintenance</u></b>	The Star	Rujuk Lampiran 22
45.	<b><u>Sungai busuk , air hitam</u></b>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 23

## ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
46.	<b><u><a href="#">10 terkorban dalam banjir di Mozambique</a></u></b>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
47.	<b><u><a href="#">11 maut dalam banjir di Brazil</a></u></b>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
48.	<b><u>Ministry: Air pollution dropped in 2018</u></b>	The Star	Rujuk Lampiran 24
49.	<b><u>Strong wind destroys 50 houses in east jaya</u></b>	The Star	Rujuk Lampiran 25



LAMPIRAN 1
NANYANG SIANG PAU: MUKA SURAT DEPAN
TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)

Newspaper masthead for Nanyang Siang Pau. Includes title '南洋商報', logo 'KONWA', and various advertisements like 'account365' and 'accounT365'. Contact information and date '2019年3月12日' are also present.



杨美盈婚了!

能源、工艺、科学、气候变化及环境部长杨美盈与IOI产业集团总执行长李耀昇于本月11日在双方家长见证下注册结婚...

Small news snippets including '政府签《罗马规约》被批 敦马：柔王储只为自己' and 'IMF看好大马经济增长4.7%'.

低调注册办婚礼

杨美盈部长嫁了

(吉隆坡11日讯) 一个是部长，一个是超级富豪，虽然之前极力保持低调，今天双双注册结婚，喜讯还是传遍了天下。



李深静向两人献上祝福。

能源、工艺、科学、气候变化及环境部长杨美盈与IOI产业集团总执行长李耀昇，今天上午在双方长辈陪同和祝福下，正式结为夫妻。

两人的喜宴，已确定于本月29日在吉隆坡举行。

29日办喜宴

今天中午，社媒便疯传两人今早的婚礼照片，相信是其宾客所拍。

鉴于今天也是国会下议院会议召开的第一天，许多国会记者都在寻找也是峇基里国会议员的杨美盈芳踪，惟却遍寻不获，原来伊人正在办理人生大事。

《南洋商报》向行动党有关人士查证，确认两人是于今天上午注册。

从照片所见，杨美盈并没有戴头纱或头饰，反而以简单大方的设计服饰示人，而新郎

新娘是行动党学霸

36岁的新娘子杨美盈是行动党的学霸级人马，2012年加入该党。她曾在2006年以一等荣誉学士学位在马来西亚国油大学毕业，主修化学工程。

较后，她在油田公司位于土库曼斯坦的分公司工作了两年

新郎统管IOI产业

40岁的李耀昇在结束单身生涯之前，是名副其实的钻石王老五，负责统管IOI集团辖下的IOI产业...

根据《2018年南洋富豪榜》，其父亲丹斯里李深静以194亿令吉身家，高居第三。李深静在2014年将集团分拆两大臂膀，长子李耀昇则负责产业。

李耀昇的父亲，即本地著名实业家丹斯里李深静伉俪，以及杨美盈父母杨福友及叶玉珍，也陪同一对新人共切蛋糕。

李耀昇的父亲，即本地著名实业家丹斯里李深静伉俪，以及杨美盈父母杨福友及叶玉珍，也陪同一对新人共切蛋糕。早前，社交媒体流传她和李耀昇的友人团体照，便传出恋情，但杨美盈每每遇到记者，都闭口不谈。

李耀昇领军 IOI 产业，在海外的事业版图更大，已经进军了新加坡和中国厦门。截至目前，IOI 产业已经在新加坡完成了 4 个项目，总值 41 亿新元，接下来会加快完成在滨海湾的发展项目；中国方面，已经在厦门打造了 IOI 园博湾 (IOI Park Bay) 和 IOI 棕榈城 (IOI Palm City)。本地方面，则会继续专注在雪州蒲种和布城的城镇发展，发展总值分别为 158 亿令吉和 166 亿令吉。

LAMPIRAN 2  
BERITA HARIAN (BENCANA): MUKA SURAT 24  
TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)

## Putrajaya, Shah Alam catat IPU tak sihat

**Putrajaya:** Dua lokasi masing-masing di Putrajaya dan Shah Alam, Selangor mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat, setakat jam 6 petang semalam.

Berdasarkan bacaan dipaparkan menerusi laman web [apims.doe.gov.my](http://apims.doe.gov.my), **Jabatan Alam Sekitar (JAS)**, Putrajaya merekodkan bacaan IPU 101, manakala Shah Alam, 166.

Putrajaya turut merekodkan bacaan tertinggi pada jam 2.20 petang semalam iaitu IPU 114, manakala Shah Alam pula mencatatkan bacaan IPU 111 dan 106, masing-masing pada jam 4 dan 5 petang semalam.

### 47 lokasi catat IPU sederhana

Selain itu, 47 lokasi lain merekodkan bacaan IPU sederhana dan 17 lokasi lain pula berada pada bacaan IPU baik.

Hampir semua negeri di Semenanjung Malaysia merekodkan bacaan IPU sederhana, selain dua lokasi masing-masing di Miri, Sarawak dan Komanis, Sabah.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat bacaan IPU terkini menerusi laman web [apims.doe.gov.my](http://apims.doe.gov.my) milik JAS Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar.

Bacaan IPU turut dipaparkan dalam tempoh setiap jam.

Maklumat cuaca terkini turut dipaparkan menerusi laman web MetMalaysia atau aplikasi myCuaca dan media sosial MetMalaysia.

### LAMPIRAN 3 BERITA HARIAN (BENCANA): MUKA SURAT 24 TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)



Pekerja Perbadanan Putrajaya melakukan kerja pembersihan dan mengalihkan pokok tumbang akibat hujan lebat dan ribut di sekitar Putrajaya, semalam.

## MetMalaysia ramal ribut petir sehingga Jumaat

➔ Penduduk diminta sentiasa waspada elak kejadian tidak diingini

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Norrasyidah Arshad  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) memaklumkan ribut petir yang berlaku pada sebelah petang di beberapa kawasan termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor akan berterusan sehingga Jumaat ini. Unit Komunikasi MetMalaysia berkata, kejadian ribut berkenaan yang berlaku sejak beberapa hari lalu disebabkan perubahan corak angin dari timur laut kepada pelbagai hala yang menggalakkan pembentukan awan ribut petir kumulonimbus pada sebelah petang. Katanya, berdasarkan ramalan dipaparkan menerusi laman web MetMalaysia, ribut petir berlaku pada sebelah petang di satu atau dua tempat di Kuala Lumpur, Putrajaya, Pulau Pi-



[FOTO SABIEN NAFIS/BH]

Sebuah bas pecah cermin hadapan ditimpa dahan pokok selepas dilanda ribut di Taman Botani Negara Shah Alam, kelmarin.

ang, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. "Kejadian ribut petir di Putrajaya dan Shah Alam kelmarin (Sabtu lalu) dan semalam (kelmarin) bersifat setempat. "Bagaimanapun, penduduk di kawasan berkenaan diminta sentiasa berwaspada bagi mengelak kejadian tidak diingini," katanya ketika dihubungi, semalam. **Peka perubahan cuaca** Mengulas lanjut, MetMalaysia berkata, orang ramai diminta sentiasa peka perubahan cuaca dengan mendapatkan maklumat cuaca dan amaran terkini daripada MetMalaysia melalui aplikasi myCuaca, media sosial serta laman web. "Jika ribut petir dijangka berlaku, batalkan atau tunda ak-

tiviti luar, elak meletak kenderaan di bawah pokok besar dan berada di kawasan cenderung banjir. "Kita perlu berwaspada dengan tanda awal ribut petir seperti penurunan suhu secara mendadak dan pembentukan awan kumulonimbus iaitu awan membesar secara menegak, berkepul serta berwarna gelap. "Jika ada tanda petir, kelajuan angin meningkat dan kelihatan serpihan berterbangan serta hujan lebat, segera berlindung di dalam bangunan yang selamat," katanya. Sabtu lalu, hujan lebat dan ribut petir luar biasa di Putrajaya menyebabkan 122 pokok tumbang, 115 pokok patah dahan dan lima tiang lampu tumbang. Presiden Perbadanan Putrajaya (PPJ), Datuk Dr Aminuddin

Hassim, berkata antara kawasan terjejas adalah kawasan kejiranan dan taman awam di Presint 1, 8, 9, 10, 11, 14 dan 16. **Perlu rawatan rapi** Sementara itu, seorang daripada tiga lelaki warga Myanmar yang cedera dipanah petir di padang bola sepak Akademi Badminton Setia Alam, kelmarin, dilaporkan masih koma di Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang. Ketua Polis Daerah Klang Utara, Asisten Komisioner Nurulhuda Mohd Salleh, berkata Abdul Rahman Abul Hussin, 30, memerlukan rawatan rapi dan pengawasan doktor kerana parah dalam insiden yang menyebabkan seorang lagi warga Myanmar, maut.

LAMPIRAN 4  
BERITA HARIAN (BENCANA): MUKA SURAT 24  
TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)

## Taman Botani Negara ditutup hingga 31 Mac

**Shah Alam:** Taman Botani Negara di Bukit Cerakah di sini, ditutup kepada pengunjung sehingga 31 Mac ini bagi membolehkan kerja pembersihan dan pemulihan dijalankan susulan ribut yang melanda kelmarin.

Pegawai Perhubungan Awam Taman Botani, Nurul Wardina Abdullah, berkata ribut turut menyebabkan tiga rusa dewasa mati, selain banyak pokok tumbang serta kerosakan kemudahan tapak aktiviti riadah.

### Anggaran kerugian belum diperoleh

“Sebuah kenderaan turut rosak teruk di cermin depan tetapi anggaran kerugian keseluruhan belum diperoleh,” kepada kepada *BH* di sini, semalam.

Nurul Wardina berkata, seramai 80 petugas Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan kakitangan Taman Botani terbabit dalam kerja pembersihan dan pemulihan itu.

“Taman Botani ditutup untuk memastikan keadaan benar-benar pulih demi ke-selesaian serta keselamatan pengunjung,” katanya.

Sementara itu, tinjauan *BH* mendapati tapak aktiviti sukan lasak Skytrex dan taman haiwan turut rosak teruk.



LAMPIRAN 5  
BERITA HARIAN (BENCANA): MUKA SURAT 23  
TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)

KES PEMBUANGAN SISA KIMIA BERBAHAYA SECARA HARAM

# Tiga suspek buang sisa kimia dalam sungai ditahan

➔ JAS lengkapkan kertas siasatan dakwa pihak terbabit minggu ini

Oleh Iffwan Tun Tuah  
iffwan@bh.com.my

► Pasir Gudang

**P**olis dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) menahan tiga suspek yang dipercayai membuang sisa kimia ke dalam Sungai Kim Kim, di sini, sehingga mengakibatkan pencemaran gas metana pada Khamis lalu.

Pengarah JAS Johor, Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh, berkata tiga lelaki berusia 50-an termasuk dua pemilik kilang itu ditahan dalam operasi khas kelmarin dan semalam.

"Seorang pemilik kilang mem-

proses barang lusuh bersama pekerjanya ditahan di kawasan kilangnya di Taman Pasir Putih di sini jam 12.30 tengah (semalam). Seorang lagi pemilik kilang memproses bahan kimia ditahan di Kulai dekat sini, jam 7 malam (kelmarin)," katanya ketika ditemui di kilang barang lusuh yang disita itu, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahrudin Jamal.

**Yakin ada bukti kukuh**

Mohammad Ezanni berkata, pihaknya sedang melengkapkan kertas siasatan dan yakin mempunyai

bukti kukuh untuk mendakwa mereka minggu ini.

Ketiga-tiga suspek ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM500,000 dan penjara tidak lebih lima tahun.

Khamis lalu, media melaporkan 1,400 pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih di sini, diarah mengosongkan kawasan sekolah itu kira-kira jam 10.30 pagi apabila beberapa pelajar muntah dan pengsan selepas terhidu gas metana.

Secara keseluruhan, seramai 82 mangsa dirawat di hospital dan

klirik akibat pencemaran gas itu. Mereka termasuk dua pelajar SMK Pasir Putih, selain seorang pengusaha kantin dan pemandu ambulans dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Kejadian itu dipercayai berpunca daripada pembuangan bahan kimia dari sebuah lori tangki ke dalam Sungai Kim Kim oleh pihak tidak bertanggungjawab, kira-kira jam 2 pagi Khamis.

**Suspek rancang buang lagi**

Mohammad Ezanni berkata, suspek sama dipercayai merancang untuk membuang bahan kimia itu sekali lagi malam tadi.

"Ketika serbuan jam 12.30 te-

ngah hari tadi (semalam), kita dapati dua suspek terbabit dengan bahan kimia yang sudah dibungkus dan apabila ditanya, mereka mengakui mahu membuangnya di lokasi sama di sungai itu malam ini (tadi).

"Kita turut menyerbu sebuah kilang memproses bahan kimia yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kes ini di Kulai dekat sini jam 7 malam tadi (kelmarin).

"Kilang itu pernah disita kerana kes pencemaran alam sekitar dan ketika serbuan malam tadi, pemiliknya tidak dapat menjelaskan ke mana sisa bahan kimia di dalam premis itu dibuang," katanya.



Pegawai JAS mengambil sampel bahan kimia sambil diperhatikan Dr Sahrudin (kiri) dan Muhammad Ezanni (kanan) di kilang memproses barangan lusuh yang disita di Pasir Gudang, semalam.

[FOTO HAIROL ANUAR RAHIM/BH]

## LAMPIRAN 6 BERITA HARIAN (BENCANA): MUKA SURAT 23 TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)

### Dua sekolah terjejas ditutup sekali lagi

**Pasir Gudang:** Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih di sini, yang terjejas akibat pencemaran gas metana, ditutup sekali lagi untuk sementara waktu.

Timbalan Pengarah Pendidikan Johor, Azman Adnan, berkata kedua-dua sekolah itu akan dibuka apabila keadaan kembali pulih.

"Keputusan bila sekolah dibuka semula akan dibuat selepas mengambil kira status kualiti udara dan syor mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Bencana Daerah Johor Bahru," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahrudin Jamal, berkata 61 pelajar dari kedua-dua sekolah itu dihantar ke Hospital Sultan Ismail (HSI) dekat sini, semalam sehingga jam 5.30 petang.

Katanya, bagaimanapun semua pelajar terbabit berada dalam ke-



Azman Adnan

adaan stabil.

Khamis lalu, media melaporkan seramai 1,400 pelajar kedua-dua sekolah terbabit diarahkan mengosongkan kawasan sekolah kira-kira jam 10.30 pagi apabila beberapa pelajar muntah dan pengsan selepas terhidu gas metana.

Susulan itu, kedua-dua sekolah terbabit ditutup selama empat hari termasuk Jumaat dan Sabtu lalu, sebelum dibuka semula semalam, namun terpaksa dikosongkan se-

kali lagi semalam apabila ramai pelajar mengadu sesak nafas.

Sementara itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) sudah melantik kontraktor bagi menjalankan kerja pembersihan sisa kimia di Sungai Kim Kim di Taman Pasir Putih, di sini.

#### Kerja pembersihan dimulakan

Sahrudin berkata, kerja pembersihan menyeluruh sudah dimulakan semalam oleh kontraktor profesional berkenaan.

"Kita jangka kerja pembersihan ini mengambil masa lima hari, membabitkan kawasan sepanjang 1.3 kilometer dari tempat pembuangan sisa kimia yang dikesan Khamis lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas meninjau keadaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih di sini, semalam.

Dua sekolah itu ditutup semula hari ini selepas pelajar mengadu

sesak nafas.

Secara keseluruhan, lebih 82 mangsa dirawat di hospital dan klinik akibat pencemaran gas itu termasuk seorang pengusaha kantin dan seorang pemandu ambulans.

Kedua-dua sekolah itu sebelum ini ditutup empat hari termasuk pada Jumaat dan Sabtu lalu, sebelum dibuka semula hari ini selepas pihak berkuasa mengesahkan udara kawasan itu sudah tidak tercemar.

Sahrudin berkata, pihaknya masih menyasat punca pelajar mengadu sesak nafas termasuk kemungkinan faktor psikologi rentetan kejadian Khamis.

Kira-kira jam 11 pagi semalam, bomba mengarahkan kedua-dua sekolah itu ditutup semula sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelak kejadian tidak diingini. Difahamkan, kira-kira 20 pelajar kedua-dua sekolah itu dihantar ke Hospital Sultan Ismail (HSI) untuk pemeriksaan lanjut.



- ➊ **Metana** ialah sebatian kimia dengan formula kimia CH<sub>4</sub>
- ➋ **Sejenis alkana** (hidrokarbon tepu), salah satu komponen utama gas asli
- ➌ **Tidak berbau**, tidak berwarna, mudah terbakar
- ➍ **Kegunaan** sebagai bahan api atau untuk buat haba, cahaya
- ➎ **Tidak beracun**, tiada standard OSHA PEL
- ➏ **Pendedahan** kepada tahap gas metana tinggi mampu menyebabkan badan manusia kurang oksigen
- ➐ **Kesan terhadap manusia** sukar bernafas, loya, muntah, risiko mati lemas



# LAMPIRAN 7 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 7 TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)



PENGERUSI Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian Johor, Dr. Sahrudin Jamal (kiri) dan Pengarah JAS negeri, Datuk Dr. Mohammad Ezzani Mat Salleh (dua dari kiri) meninjau kilang yang disyaki membuang bahan sisa buangan berjadual di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, baru-baru ini. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

## Tiga suspek buang toksik ditahan

- Pemilik kilang bahan kimia, kilang proses barang lusuh antara ditahan.
- Bahan kimia sama cemari Sungai Kim Kim, Pasir Gudang turut ditemui.
- Dua sekolah terjejas ditutup semula selepas beberapa pelajar pening, loya.

**BERITA  
PENUH  
DI MUKA 7**



MOHAMMAD EZZANI MAT SALLEH (kiri) bersama Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sahrudin Jamal meninjau sebuah kilang yang disyaki terbabat dalam kes pembuangan bahan sisa buangan berjadual di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/ NUR AISYAH MAZALAN

## Pencemaran kimia: 3 suspek ditahan

Oleh MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI  
pengarang@utusan.com.my

### ■ PASIR GUDANG 11 MAC

**M**EMILIKI bahan kimia hampir sama dengan yang dibuang di Sungai Kim Kim di sini pada Khamis lalu dan dipercayai cuba membuang bahan kimia telah siap dibungkus ke dalam sungai tersebut.

Itu penyebab tiga suspek yang terdiri daripada dua pemilik kilang dan seorang pekerja berusia antara 40-an dan 50-an itu ditahan dalam serbuan berasingan di Kulai dan di Taman Pasir Putih di sini pada semalam dan hari ini.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Datuk Dr. Mohammad Ezzani Mat Salleh berkata, seorang daripada pemilik kilang ditahan di Kulai pada pukul 7 malam semalam manakala seorang lagi ditahan bersama pekerjanya di

Taman Pasir Putih pukul 12.30 tengah hari ini.

"Serbuan pertama dibuat selepas kita mencari kilang yang memproses bahan kimia jenis berkenan di Kulai.

"Hasil pemeriksaan, kita dapati bahan kimia di kilang tersebut hampir sama dengan yang dibuang di sungai itu namun kita perlu menunggu laporan kimia sampel bahan yang diambil di kilang. Buat masa ini kita menahan pemiliknya untuk membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas meninjau lokasi pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim dan memeriksa sebuah kilang memproses barang lusuh di sini hari ini.

Mohammad Ezanni berkata, serbuan kedua pula dibuat selepas pihaknya mendapat maklumat berkenaan sebuah kilang memproses barangan lusuh kira-kira 500 meter dari lokasi pembuangan sisa bahan kimia itu ditemui.

"Ketika diserbu, kita dapati terdapat sejumlah sisa bahan kimia berjadual yang dibungkus dan apabila ditanya, suspek mengaku untuk dibuang.

"Ketika ditanya hendak dibuang di mana, suspek hanya menjawab dengan menunjukkan isyarat 'depan sana', suspek juga dipercayai berniat untuk membuang sisa bahan buangan lain pada malam ini, Alhamdulillah kita sempat menghalang tindakan mereka jadi kita tahan mereka untuk membantu siasatan," ujarnya.

Tambah Mohammad Ezanni, kertas siasatan telah dibuka dan pendakwaan terhadap suspek dijangka akan dapat dibuat dalam minggu ini.

Kesemua suspek disiasat mengikut Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM500,000 dan penjara maksimum lima tahun atau keduanya jika sabit kesalahan.

LAMPIRAN 8
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 14
TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)

Three arrested for waste dumping

Authorities detain suspects after dozens seek treatment for hazardous gas exposure

JOHOR BARU: Three men, including two company owners, have been arrested in relation to chemical waste dumped in Sungai Kim Kim - which led to dozens being treated for exposure to hazardous fumes. State Department of Environment (DoE) director Datuk Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh said the suspects were picked up in a joint operation

with the police. A chemical processing factory owner in Kulai were arrested at about 7pm on Sunday, while a waste processing factory owner in Pasir Puth and his worker were arrested at 12.30pm yesterday, he said. The suspects are between 40 and 50 years old. Mohammad Ezanni met reporters during a visit to the waste pro-

cessing factory in Jalan Selar 1, Pasir Puth here. Also present was State Health, Environment and Agriculture Committee chairman Dr Sahrudin Jamal. Mohammad Ezanni said a Chemistry Department report led investigators to the first suspect. "We are currently waiting for another report to determine if

chemical compound from the waste processing company was also in the same river," he said. Mohammad Ezanni said the arrest of the second suspect was made after a public tip-off informing DoE about their activity. "We immediately raided the factory and found black chemical material. The worker of the company admitted the waste was going to

be disposed of in the river, which is located 500m from the factory. The case is being investigated under the Environmental Quality Act, which carries a fine of not more than RM500,000 and up to five years' jail, upon conviction. Mohammad Ezanni said they hoped to charge the suspects this week but this depends on the deputy public prosecutor.

Two schools hit by toxic gas ordered closed again

By REMAR NORDIN newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: Two schools affected by toxic fumes last week were ordered to close again after students started showing symptoms of chemical exposure. Classes had resumed at SK Taman Pasir Puth and SM Taman Pasir Puth for only five hours yesterday before the decision was made by the Fire and Rescue Hazmat (hazardous materials) team. State Health, Environment and Agriculture Committee chairman Dr Sahrudin Jamal said they had again received reports of students having breathing difficulty. "The decision to reopen the schools was made on Sunday but now we are closing them until further notice," he told reporters after visiting the schools yesterday. On March 7, 30 people including 18 students from the schools were admitted to hospitals in Pasir Gudang after exposure to hazardous gas from chemical waste that was illegally dumped into a river. Two victims, including a student, were intubated as their respiratory systems were blocked. In yesterday's incident, Dr

"We are trying to find out what triggered this incident, whether it is really because of the chemical or just a panic reaction from other students who saw their friends having trouble breathing.

Dr Sahrudin Jamal



Keeping tabs: Dr Sahrudin looking in on one of the students having trouble breathing after being exposed to hazardous fumes from Sungai Kim Kim.

Sahrudin said as of 1.30pm, eight students were taken to Sultan Ismail Hospital while 10 students and two teachers received treatment at the schools. Dr Sahrudin added that the Hazmat unit found that the air quality in the schools was normal but will conduct thorough investigations. "We are trying to find out what

triggered this incident, whether it is really because of the chemical or just a panic reaction from other students who saw their friends having trouble breathing. "We have also received reports of students fainting this morning because they skipped breakfast. So there are a lot of factors that we

need to clarify," he said. He added that the Johor Disaster Relief Committee will meet again today to discuss the issue. Johor Hazmat unit chief Saiful Bahari Safar said he ordered for the schools to close at about noon and investigations are underway. "Based on our checks and the air

quality reading, this incident should not have happened," he said when met at the scene.

Watch the video thestartv.com



### LAMPIRAN 9 KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 10 TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)

## Lagi murid sakit terhidu gas metana

**PASIR GUDANG** - Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih yang baru sahaja dibuka pagi semalam, diarahkan ditutup semula berikutan terdapat murid mengadu sesak nafas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sahrudin Jamal berkata, seramai 61 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih di sini dikejarkan ke Hospital Sultan Ismail (HSI) selepas mengadu sakit dada dan muntah-muntah susulan terhidu bau bahan kimia.

Katanya, masing-masing yang dikejarkan ke hospital terdiri daripada 35 murid sekolah rendah, 25 pelajar sekolah menengah dan seorang guru.

"Seramai sembilan orang berada di zon merah iaitu sistem pernafasan yang teruk, zon kuning seramai 25 orang yang mengalami simptom muntah dan pening manakala 27 orang di zon hijau iaitu keadaannya tidak serius.

"Kita menerima panggilan kecemasan daripada pihak sekolah pada pukul 10 pagi tadi (semalam) selepas beberapa pelajar mendakwa masih terhidu bau busuk dipercayai kesan sisa pembuangan toksik," katanya.

Semalam, dua buah sekolah berkenaan dibuka semula selepas diberi cuti kecemasan namun menjelang tengah hari suasana kembali panik apabila beberapa pelajar mengadu sesak nafas serta muntah-muntah.

Dr. Sahrudin berkata, susulan kejadian itu, pihaknya mengarahkan semua pelajar mengosongkan bangunan.

"Kontraktor telah dilantik untuk membersihkan sisa kimia di sungai berkenaan, yang memulakan kerja pembersihan hari ini (semalam).

"Pembersihan dijangka mengambil masa lima hari meliputi kawasan sungai sejauh 1.3 kilometer," ujarnya.



SITUASI cemas seorang pelajar diberi bantuan kecemasan akibat mengalami simptom sesak nafas selepas terhidu gas metana di SK Taman Pasir Putih dan SMK Pasir Putih semalam.

## Dua pemilik kilang, seorang pekerja akan didakwa minggu ini cemarkan Sungai Kim Kim Dalang buang bahan kimia ditahan

Oleh SHARKAWI LONDING

**PASIR GUDANG** - Tiga lelaki disyaki dalang utama kes pembuangan bahan kimia dipercayai jenis metana ke dalam Sungai Kim Kim sehingga menyebabkan 82 mangsa dikejarkan ke hospital sejak Khamis lalu ditahan polis.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Datuk Dr. Mohammad Ezzani Mat Salleh berkata, ketiga-tiga suspek yang

ditahan itu berusia antara 40 hingga 50 tahun ditahan polis petang kelmarin dan tengah hari semalam.

Katanya, mereka merupakan pemilik kilang memproses bahan kimia, pemilik kilang barang lusuh dan pekerjanya.

"Pemilik kilang memproses bahan kimia ditahan 7 petang kelmarin di Kulai manakala pemilik kilang barang lusuh dan pekerjanya pula ditahan di Taman Pasir Putih di sini pada pukul 12.30

tengah hari semalam.

"Selepas pihak JAS menjalankan siasatan, kita berjaya mengesan dalang utama yang membuang bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim dan berjaya menahan ketiga-tiga suspek tersebut," katanya ketika meninjau kilang barang lusuh milik salah seorang suspek di sini semalam.

Mohammad Ezzani memberitahu, pihaknya sedang melengkapkan kertas siasatan dan yakin mempunyai bukti kukuh untuk mendakwa mereka minggu ini.

"Selepas pihak kami melakukan analisis kimia terhadap sampel air sungai dengan bahan bukti yang diambil di kilang, ia

didapati sepadan.

"Bukti yang kita peroleh ini kukuh untuk mensabitkan ketiga-tiga suspek," jelasnya.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati salah sebuah kilang tersebut pernah disita sebelum ini ekoran kesalahan melibatkan pencemaran.

*Kosmo!* Jumaat lalu melaporkan, lebih 1,400 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih diarahkan mengosongkan kawasan sekolah kira-kira pukul 10.30 pagi apabila beberapa pelajar muntah dan pengsan selepas terhidu gas metana.



MOHAMMAD Ezzani (dua dari kiri, belakang) meninjau salah satu kilang yang disyaki terlibat dalam kes pembuangan bahan kimia di Sungai Kim Kim semalam.



KERATAN *Kosmo!* 8 Mac 2019.

#### INFO Kronologi kes Sungai Kim Kim tercemar

- 8 Mac** - Seramai 35 mangsa dikejarkan ke hospital selepas terhidu bau sisa buangan berjadual dipercayai bahan kimia jenis metana yang dibuang di Sungai Kim Kim, Taman Pasir Putih.
- 9 Mac** - Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri mengesahkan sisa tumpahan yang mengakibatkan pencemaran bau gas metana berpunca daripada sisa minyak aktiviti mencuci kapal.
- 10 Mac** - SMK Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan Pasir Putih diarahkan tutup buat sementara waktu.
- 11 Mac** - Penduduk Kampung Bukit Pulai, Pasir Putih mendakwa Sungai Kim Kim masih tercemar walaupun kerja-kerja pembersihan sudah dilakukan, keadaan sungai itu masih keruh dan berbau.

# LAMPIRAN 10 SINAR HARIAN (PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM): MUKA SURAT 36 TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)



## Dua sekolah diarah ditutup semula

PASIR GUDANG - Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih yang baru sahaja kembali beroperasi pagi semalam, diarahkan ditutup semula.

Arahan penutupan dua sekolah itu berikutan terdapat murid mengalami sesak nafas menjelang waktu tengah hari.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahrudin Jamal berkata, kedua-dua sekolah terbabit akan ditutup buat sementara waktu.

Menurutnya, status keselamatan dua sekolah ter-

sebut akan diputuskan selepas perbincangan dalam Jawatankuasa Tindakan Bencana kelak.

"Setakat jam 12.30 tengah hari (semalam), lapar murid dihantar ke Hospital Sultan Ismail (HSI).

"Lebih 10 pelajar pula dirawat di sekolah dan dewan berdekatan," katanya di Dewan Taman Pasir Putih di sini.

Ketika ditanya sama ada punca kejadian dikaitkan dengan pencemaran udara, Dr Sahrudin berkata, pelbagai faktor boleh mempengaruhi.

"Sebelum ini, pihak JAS



Dr Sahrudin ketika bercakap kepada pemberita.

dan Hazmat (Jabatan Bomba dan Penyelamat) dah buat penilaian dan sahkan keadaan selamat, itu sebab kita buka sekolah.

"Bagaimanapun, pihak sekolah hubungi kita dan mendakwa ada pelajar puyai simptom sesak nafas

dan sebagainya disebabkan pencemaran udara berikutan pembuangan sisa kimia," kata beliau.

Beliau berkata, punca sebenar bagaimanapun belum dikenalpasti.

Katanya, kontraktor pembersihan sisa kimia di sungai berkenaan dilantik dan memulakan kerja.

"Pembersihan mengambil masa lima hari meliputi kawasan sungai sejauh 1.3 kilometer," katanya.

Sementara itu, sehingga petang semalam, seramai 61 mangsa dirawat di Unit Kecemasan HSI akibat pencemaran Sungai Kim Kim.

## Tiga individu ditahan

### 2 pemilik kilang dan seorang pekerja ditahan bantu siasatan

MOHD FIRDAUS YON  
PASIR GUDANG



Situasi murid SK Taman Pasir Putih yang berdepan masalah kesihatan pagi, semalam

Tiga individu terdiri daripada dua pemilik kilang dan seorang pekerja ditahan kerana disyaki terlibat dengan kejadian pembuangan sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim di sini, Khamis lalu.

Ketiga-tiga suspek berusia antara 40-an hingga 50-an itu, ditahan dalam

dua serbuan berasingan di Kulai dan Taman Pasir Putih di sini.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Datuk

Dr Mohammad Ezani Mat Salleh berkata, seorang pemilik kilang memproses bahan kimia di Kulai, ditahan jam 7 petang kelmarin.

Manakala dua lagi individu terdiri seorang pemilik kilang memproses bahan lusuh dan pekerjanya ditahan di Taman Pasir Putih di sini, jam 12.30 tengah hari, semalam.

"Serbuan pertama dibuat selepas mendapat hasil laporan kimia yang dibuang di sungai itu dan kita mencari kilang memproses bahan kimia jenis berkenan di Kulai.

"Hasil pemeriksaan, kita dapati bahan kimia di kilang tersebut hampir sama, namun kita perlu menunggu laporan kimia sampel bahan yang diambil

**info**

- Kesan bahan kimia mirip sampel
- 2 kilang disyaki terlibat
- Mengikut Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekitar 1974

di kilang. Buat masa ini, kita menahan pemiliknya untuk membantu siasatan," katanya, semalam.

Mohammad Ezani berkata, serbuan kedua pula dibuat selepas pihaknya mendapat maklumat berkenaan sebuah kilang memproses barangan lusuh kira-kira 500 meter dari lokasi pembuangan sisa bahan kimia tersebut ditemui.

### Dakwa warga sekolah muntah, loya, pening

JOHOR BAHRU - Setelah beberapa jam sekolah kembali beroperasi susulan ditutup beberapa hari akibat kejadian pencemaran sisa bahan kimia semalam, dimaklumkan terdapat guru dan pelajar berdepan masalah kesihatan.

Menurut sumber, terdapat guru dan pelajar pulang kerana berasa tidak selesa dengan tahap kualiti udara semasa, selain puyai simptom pening dan rasa loya walaupun hadir ke sekolah dalam keadaan yang sihat.

"Sekolah masih belum bebas kimia. Sekolah dibuka, tetapi ramai pelajar balik kerana berasa tidak selesa.

"Awal pagi datang (ke sekolah) sihat. Ada pelajar yang balik kerana

na pening dan rasa loya," katanya dalam pesanan menerusi aplikasi WhatsApp kepada Sinar Harian di sini, semalam.

Sumber tersebut turut memaklumkan, terdapat murid sekolah rendah yang muntah-muntah dipercayai daripada pencemaran udara di situ.

Kelmarin, Jabatan Pendidikan Negeri Johor mengesahkan status keselamatan SK Taman Pasir Putih dan SMK Pasir Putih selama untuk proses pembelajaran.

Exco Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan negeri, Aminolhuda Hassan turut mengadakan tinjauan di dua sekolah terbabit, yang mula beroperasi semula pagi semalam.



Mohammad Ezani bersama Dr Sahrudin (kanan) meninjau kilang memproses bahan lusuh.

"Ketika diserbu, kita dapati terdapat sejumlah sisa bahan kimia berjadual dibungkus dan apabila ditanya, suspek mengaku ia untuk dibuang.

"Ketika ditanya hendak dibuang di mana, suspek hanya menjawab dengan menunjukkan isyarat 'depan sana'. Jadi kita tahan mereka untuk bantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, kesemua suspek ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

# LAMPIRAN 11 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10 TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)

## GAS BERACUN

Kuala Lumpur

**T**idak tempoh khusus untuk orang awam mengelak daripada berada di kawasan yang tercemar dengan gas metana kerana banyak faktor mempengaruhi tempoh masa itu. Pensyarah Kanan Jabatan Kimia Fakulti Sains Universiti Malaya Dr Choo Yeun Mun berkata, bagi kes biasa orang ramai perlu mengelak berada dalam radius 50 meter dari kawasan tumpahan sekurang-kurangnya dua hari. "Orang ramai jika terbau sesuatu gas yang ganjil jangan dekat tempat itu dalam lingkungan 50 meter sekurang-kurangnya dua hari untuk

# BAHAYA 50 METER

■ **Tiada tempoh khusus orang awam elak kawasan tercemar bahan kimia**

memastikan aliran udara bersih kembali. "Namun, apapun tetap bergantung sepenuhnya kepada luas kawasan dan seberapa tinggi dos tumpahan berlaku mungkin tempoh masa itu boleh menjadi panjang lagi," katanya ketika dihubungi semalam. Menurutny, keadaan cuaca sangat mempengaruhi kebersihan udara di kawasan tumpahan.

"Jika sisa masih berada dalam sungai atau tebing sungai ada kemungkinan tindak balas kimia berlaku seterusnya menghasilkan metana lagi terutama ketika cuaca panas yang menyebabkan metana berwap. "Biasanya metana boleh meruap suhu takat dididhinya adalah -182 darjah Celsius yang mudah merebak dalam udara.

"Namun, tahap pencemaran udara di kawasan tumpahan boleh diukur berdasarkan pemantauan Jabatan Alam Sekitar menggunakan sejenis alat dinamakan komponen bahan kimia meruap (VOC)," katanya. "Katanya, gas organik seperti metana hanya boleh dielak dengan pemakaian topeng mulut khas bertapis.

"Untuk gas seperti ini perlukan topeng muka jenis cartridge berikutan topeng mulut biasa hanya boleh menapis zarah kecil saja. "Gas metana jika terhidu sangat bahaya boleh menyebabkan keracunan dan loya selain membawa kematian. "Jadi langkah terbaik untuk orang awam hindari kawasan tumpahan untuk tempoh tertentu dan ikuti arahan pihak berkuasa," katanya.

“**Jika** sisa masih berada dalam sungai ada kemungkinan tindak balas kimia berlaku seterusnya menghasilkan metana lagi terutama ketika cuaca panas yang menyebabkan metana berwap”  
*Dr Choo Yeun Mun*




## Dua tauke, pekerja ditahan

**Johor Bahru:** Dua pemilik dan seorang pekerja kilang ditahan selepas pembuangan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, di sini, Khamis lalu. Lelaki berusia 40 hingga 50 tahun itu ditahan malam kelmarin dan tengah hari semalam di dua kilang berasingan dekat Kulai serta Taman Pasir Putih, di sini.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor Darul Dr Mohamad Ezanni Mat Salleh berkata, seorang pemilik kilang memproses bahan kimia ditahan jam 7 malam kelmarin di Kulai. "Kira-kira jam 12.30 tengah hari tadi (semalam), kami menahan seorang pemilik kilang barangan lusuhi di Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, dengan seorang pekerjaanya," katanya ketika membawa media ke satu lokasi kilang tempat suspek ditahan di Pasir Gudang, semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahruddin Jamal. Mohammad Ezanni berkata, serbuan pertama di Kulai dilakukan JAS dan polis selepas memperoleh laporan kimia daripada sampel bahan kimia yang diambil dari Sungai Kim Kim. "Selepas mendapat hasil laporan kimia itu, kami mencari kilang yang memproses jenis bahan kimia berkenaan dan menyerbu sebuah kilang di Kulai.

"Hasil pemeriksaan, bahan kimia di kilang itu sepadan dengan bahan kimia yang dibuang di Sungai Kim Kim. Bagaimanapun, kami masih menunggu laporan kimia sampel bahan yang diambil di kilang. Kami menahan pemilik kilang untuk membantu siasatan," katanya. Beliau berkata, pada masa sama pihaknya mendapat maklumat mengenai sebuah lagi kilang dan menyerbu premis itu tengah hari semalam. "Ketika diserbu, kami menemui sejumlah sisa bahan kimia berjadual yang dibungkus dan apabila ditanya, suspek mengaku ia untuk dibuang. "Apabila ditanya hendak dibuang di mana, dia hanya tunjuk 'depan sana' dan kami mengesyaki mereka mungkin ingin membuangnya di sungai, malam ini (malam tadi). "Maka, kami menahan mereka untuk membantu siasatan," katanya. Katanya, semua suspek disiasat mengikut Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang membawa hukuman denda sehingga RM500,000 dan penjara maksimum lima tahun, jika sabit kesalahan.



SAMPEL bahan kimia yang diambil di kilang memproses barangan lusuhi yang disita di Taman Pasir Putih, Pasir Gudang.



PELAJAR memakai topeng muka di SK Taman Pasir Putih sebagai langkah berjaga-jaga.





# LAMPIRAN 11 (SAMB.) HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 11 TARIKH: 12 MAC 2019 (SELASA)




FOTO: HAFILU ANUAR, SHAIFULDIN AHMAD, FATHIN SUHAIRA ABD RAHIM

PASUKAN perubatan memberi bantuan awal kepada pelajar yang terhidu bahan kimia di Sekolah Menengah Pasir Putih, Pasir Gudang.

## 61 pelajar dirujuk HSI

**Johor Bahru:** Seramai 61 individu termasuk murid dan pelajar dua sekolah di Taman Pasir Putih, Pasir Gudang dirujuk ke Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini, selepas mengadu sesak nafas dan kesihatan terjejas akibat bau busuk disyaki kesan sisa bahan kimia yang dibuang di Sungai Kim Kim, Khamis lalu.

